

Tuesday, 23 June 2020

KLCCP unjur prestasi segmen sewaan pejabat kekal stabil



KUALA LUMPUR, 23 Jun -- KLCC Property Holdings Bhd (KLCCP) menjangkakan prestasi segmen sewaan pejabatnya kekal stabil, didorong oleh perjanjian sewaan bersih dan sewaan jangka panjang yang mencecah tiga kali ganda walaupun dalam persekitaran mencabar pada 2020.

Dalam kenyataan hari ini, KLCCP berkata pandemik COVID-19 ternyata memberi impak besar terhadap industri perhotelan dengan segmen hotel kendaliannya diunjur terjejas bagi tempoh suku yang berbaki tahun ini.

Segmen peruncitan misalnya mempunyai kelebihan dari segi tawaran menerusi pembukaan premis baharu, namun pada masa sama akan kekal berhati-hati berikutan persekitaran mencabar serta perubahan perilaku pengguna dan sentimen dalam tempoh tersebut.

"Kita berkemungkinan besar akan turut menerima impak COVID-19 untuk beberapa lamanya dan sentimen pengguna juga dijangka terus berhati-hati dalam semua segmen perniagaan.

"Walaupun berdepan ketidaktentuan di masa depan, kumpulan ini akan terus berdaya tahan dan berusaha mengemudi keadaan bagi meraih nilai jangka panjang untuk para pemegang kepentingan," kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Hashim Wahir.

Menurutnya, kumpulan itu akan terus merebut peluang pertumbuhan serta meninjau penyelesaian inovatif bagi meningkatkan pengalaman penyewa, pembeli dan tetamu hotelnya sambil mempraktikkan kebiasaan baharu.

Segmen peruncitan dan hotel KLCCP telah beroperasi semula sejak 4 Mei, 2020 apabila Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat diumumkan.

Susulan pengumuman PKP Pemulihan baru-baru ini, Suria KLCC kini dibuka sepenuhnya manakala segmen hotelnya pula semakin giat membuka premis minuman dan makanan serta perkhidmatan lain hotel.

KLCCP juga telah melaksanakan langkah-langkah wajar bagi memastikan persekitaran selamat dari segi persediaan kemudahan yang mengukuhkan aspek penjarakan sosial dan prosedur keselamatan bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan penyewanya.

Malah, bagi bangunan pejabatnya, kumpulan itu telah melaksanakan garis panduan prosedur keselamatan kerja sebagai langkah awal melindungi penyewa dan pekerja selain memastikan pematuhan kebiasaan baharu apabila mereka kembali bekerja.

-- BERNAMA

(Source: <https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1854602>)